

**Peraturan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan Banduan-Banduan Wanita dan Tindakan-Tindakan Bukan Tahanan bagi Pesalah-Pesalah Wanita
(Peraturan-Peraturan Bangkok)**

I. Peraturan-peraturan untuk aplikasi am

1 Prinsip asas

[Tambahan kepada Peraturan 6 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 1

Agar prinsip tanpa diskriminasi yang termaktub di Peraturan 6 Peraturan-Peraturan Standard Minima bagi Layanan Banduan-Banduan dapat diamalkan, perhatian harus diambil tentang keperluan khusus banduan-banduan wanita dalam aplikasi Peraturan-Peraturan tersebut. Memenuhi keperluan-keperluan tersebut untuk mencapai kesaksamaan jantina pada tahap yang tinggi tidak akan dianggap sebagai diskriminasi.

2 Proses kemasukan

Peraturan 2

1. Perhatian yang secukupnya harus diberi kepada prosedur-prosedur kemasukan untuk wanita dan kanak-kanak, disebabkan betapa mudahnya mereka terdedah kepada bahaya pada masa ini. Banduan-banduan wanita yang baru tiba akan disediakan dengan kemudahan untuk menghubungi saudara-mara; akses kepada nasihat undang-undang; maklumat tentang peraturan-peraturan penjara, regim penjara dan tempat untuk mendapatkan bantuan apabila diperlukan dalam bahasa yang difahami; dan, untuk warga-warga asing, akses kepada wakil-wakil konsular juga.
2. Sebelum atau pada masa kemasukan, wanita dengan tanggungjawab menjaga anak-anak akan dibenarkan untuk membuat aturan-aturan untuk anak-anak tersebut, termasuk kemungkinan terdapatnya penggantungan tempoh tahanan yang munasabah, mengambil kira kepentingan terbaik anak-anak tersebut.

3 Pendaftaran

[Tambahan kepada Peraturan 7 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 3

1. Jumlah dan maklumat-maklumat peribadi anak-anak seorang wanita yang dimasukkan ke penjara harus direkodkan pada masa kemasukan. Rekod-rekod tersebut harus termasuk, tanpa memudaratkan hak-hak ibu, sekurang-kurangnya nama anak-anak, umur mereka dan, jika tidak menemani ibu, lokasi mereka dan status jagaan (“*custody*”) atau penjagaan (“*guardianship*”) mereka.
2. Semua maklumat mengenai identiti anak-anak harus dirahsiakan, dan penggunaan maklumat tersebut harus sentiasa mematuhi syarat untuk mengambil kira kepentingan terbaik anak-anak tersebut.

4 Peruntukan

Peraturan 4

Banduan wanita akan dihantar, setakat mana mungkin, kepada penjara-penjara yang dekat kepada rumah atau tempat pemulihan sosial, mengambil kira tanggungjawab-tanggungjawab penjagaan mereka, dan juga pilihan wanita tersebut dan ketersediaan program-program dan perkhidmatan yang sesuai.

5 Kebersihan diri

[Tambahan kepada Peraturan 15 dan 16 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 5

Tempat tinggal banduan-banduan wanita akan mempunyai kemudahan-kemudahan dan bahan-bahan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan kebersihan wanita yang khusus, termasuk tuala wanita yang disediakan dengan percuma dan bekalan air yang tetap disediakan untuk penjagaan diri anak-anak dan wanita, khususnya wanita yang memasak dan wanita yang mengandung, menyusu, atau datang haid.

6 Perkhidmatan Kesihatan

[Tambahan kepada Peraturan 22 hingga 26 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

(A) Pemeriksaan perubatan masa kemasukan

[Tambahan kepada Peraturan 24 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 6

Pemeriksaan kesihatan banduan-banduan wanita akan termasuk pemeriksaan yang menyeluruh untuk menentukan keperluan-keperluan penjagaan kesihatan asas, dan akan juga menentukan:

- (a) Kehadiran penyakit-penyakit kelamin atau penyakit-penyakit bawaan darah; dan, bergantung kepada faktor-faktor risiko, banduan-banduan wanita mungkin ditawarkan ujian HIV, dengan kaunseling sebelum dan selepas ujian;
- (b) Keperluan-keperluan penjagaan kesihatan mental, termasuk gangguan tekanan selepas trauma ("*post traumatic stress disorder*") dan risiko pembunuhan diri dan pencederaan diri;
- (c) Sejarah kesihatan reproduktif banduan-banduan wanita, termasuk kehamilan pada masa ini atau akhir-akhir ini, kelahiran anak dan apa-apa isu-isu kesihatan reproduktif yang berkaitan.
- (d) Kewujudan ketagihan dadah;
- (e) Penderaan seksual dan jenis-jenis keganasan yang lain yang mungkin dialami sebelum kemasukan ke penjara.

Peraturan 7

1. Jika kewujudan penderaan seksual atau jenis-jenis keganasan yang lain dikesan, banduan wanita tersebut akan dimaklumkan tentang haknya untuk mendapatkan bantuan daripada pihak-pihak berkuasa kehakiman. Banduan wanita tersebut patut dimaklumkan sepenuhnya tentang prosedur-prosedur dan langkah-langkah yang terlibat. Jika banduan wanita tersebut bersetuju untuk mengambil tindakan undang-undang, kakitangan yang sesuai patut dimaklumkan dan dengan segeranya merujuk kes tersebut kepada pihak berkuasa yang berkompeten untuk penyiasatan. Pihak-pihak berkuasa penjara akan membantu wanita-wanita tersebut untuk mendapat bantuan undang-undang.
2. Sama ada atau tidak wanita tersebut membuat keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang, pihak berkuasa penjara harus berusaha untuk memastikan bahawa dia mempunyai akses serta-merta kepada sokongan psikologi dan kaunseling yang khusus.
3. Langkah-langkah khusus akan dibentuk untuk mengelak apa-apa tindakan balas terhadap banduan-banduan wanita yang membuat laporan-laporan sebegini atau yang mengambil tindakan undang-undang.

Peraturan 8

Hak banduan-banduan wanita kepada kesulitan maklumat-maklumat perubatan mereka, termasuk dengan khususnya hak untuk tidak berkongsi maklumat dan tidak menjalani pemeriksaan berkaitan dengan sejarah kesihatan reproduktif mereka, akan dihormati pada setiap masa.

Peraturan 9

Jika banduan wanita tersebut ditemani oleh seorang kanak-kanak, kanak-kanak tersebut juga akan menjalani pemeriksaan kesihatan, sebaik-baiknya oleh seorang pakar kesihatan kanak-kanak, untuk menentukan apa-apa rawatan dan keperluan perubatan kanak-kanak tersebut. Penjagaan kesihatan yang sesuai, sekurang-kurangnya yang bersamaan dengan apa yang terdapat di masyarakat, akan disediakan.

(B) Penjagaan kesihatan khusus kepada jantina

Peraturan 10

1. Perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan khusus kepada jantina yang sekurang-kurangnya bersamaan dengan apa yang terdapat di masyarakat akan disediakan untuk banduan-banduan wanita.
2. Jika seorang banduan wanita meminta supaya dia diperiksa atau dirawat oleh seorang doktor atau jururawat wanita, seorang doktor atau jururawat wanita harus disediakan, setakat mana yang boleh, kecuali dalam situasi yang memerlukan rawatan perubatan yang mustahak. Jika seorang pengamal perubatan lelaki menjalani pemeriksaan tersebut bertentangan dengan kehendak banduan wanita tersebut, seorang kakitangan wanita akan hadir semasa pemeriksaan tersebut.

Peraturan 11

1. Hanya kakitangan perubatan akan hadir semasa pemeriksaan perubatan kecuali jika doktor tersebut berpendapat bahawa wujudnya keadaan luar biasa atau doktor tersebut meminta bahawa seorang kakitangan penjara hadir untuk sebab-sebab keselamatan atau banduan wanita tersebut dengan khususnya meminta kehadiran seorang kakitangan seperti yang dinyatakan di peraturan 10, perenggan 2, di atas.
2. Jika perlunya kehadiran kakitangan penjara bukan perubatan semasa pemeriksaan perubatan, kakitangan-kakitangan tersebut patutnya merupakan kakitangan wanita

dan pemeriksaan-pemeriksaan akan dijalankan dengan cara yang melindungi privasi, martabat, dan kesulitan.

(C) Kesihatan dan penjagaan mental

Peraturan 12

Penjagaan kesihatan mental yang diindividukan, khusus kepada jantina, dimaklumkan oleh trauma, dan menyeluruh, dan program-program pemulihan akan disediakan untuk banduan-banduan wanita dengan keperluan-keperluan penjagaan kesihatan mental di penjara atau di persekitaran bukan tahanan.

Peraturan 13

Kakitangan penjara akan dimaklumkan tentang masa-masa di mana wanita akan merasa kebimbangan tertentu, supaya mereka akan menjadi peka kepada situasi mereka dan memastikan bahawa wanita-wanita tersebut diberi sokongan yang sesuai.

(D) Pencegahan HIV, rawatan, jagaan dan sokongan

Peraturan 14

Semasa membina tindak balas-tindak balas kepada penyakit HIV/AIDS di institusi-institusi kehukuman, program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan akan bersifat responsif terhadap keperluan-keperluan khusus wanita, termasuk pencegahan penjangkitan ibu kepada anak. Dalam konteks ini, pihak berkuasa penjara akan menggalakkan dan menyokong pembinaan inisiatif berkenaan pencegahan HIV, rawatan dan jagaan, seperti pendidikan berdasarkan rakan sebaya (*“peer-based education”*).

(E) Program-program rawatan penyalahgunaan dadah

Peraturan 15

Perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan penjara harus menyediakan atau memudahkan program-program rawatan yang dirancang secara khusus untuk penagih dadah wanita, mengambil kira penganiayaan mereka sebelum ini, keperluan-keperluan khusus wanita mengandung dan wanita yang mempunyai anak-anak, dan juga latar belakang budaya mereka yang berbagai-bagai.

(F) Pencegahan pembunuhan diri dan pencederaan diri

Peraturan 16

Pembinaan dan pelaksanaan strategi-strategi, dalam perundingan dengan perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan mental dan kebajikan sosial, untuk mencegah pembunuhan diri dan pencederaan diri di antara banduan-banduan wanita, dan pemberian sokongan yang sesuai, khusus, dan khas untuk wanita untuk mereka yang berisiko harus menjadi sebahagian daripada polisi penjagaan kesihatan mental yang menyeluruh di penjara-penjara wanita.

(G)Perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bersifat pencegahan

Peraturan 17

Banduan-banduan wanita harus menerima pendidikan dan maklumat tentang langkah-langkah penjagaan kesihatan bersifat pencegahan, termasuk tentang HIV, penyakit-penyakit kelamin dan penyakit-penyakit bawaan darah yang lain, dan juga penyakit-penyakit yang khusus kepada jantina.

Peraturan 18

Langkah-langkah penjagaan kesihatan bersifat pencegahan yang amat relevan kepada wanita, seperti ujian *Papanicolaou* dan pemeriksaan untuk kanser payu dara dan ginekologi, harus diberi kepada banduan-banduan wanita pada tahap yang sama dengan wanita-wanita sebaya di masyarakat.

7 Keselamatan

[Tambahan kepada Peraturan 27 hingga 36 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

(A)Carian

Peraturan 19

Langkah-langkah yang berkesan harus diambil untuk memastikan bahawa maruah dan rasa hormat banduan-banduan wanita dilindungi semasa carian peribadi dijalankan, yang hanya akan dijalani oleh kakitangan-kakitangan wanita yang telah dilatih dengan betul dalam kaedah-kaedah carian yang sesuai dan mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan.

Peraturan 20

Kaedah-kaedah pemeriksaan alternatif, seperti imbasan, patut dibentuk untuk menggantikan pemeriksaan dengan menanggalkan pakaian dan carian badan yang invasif, untuk mengelakkan kesan psikologi dan fizikal yang memudaratkan disebabkan carian badan yang invasif.

Peraturan 21

Kakitangan-kakitangan penjara harus menunjukkan kecekapan, profesionalisme dan kepekaan dan harus memelihara maruah dan rasa hormat apabila membuat carian terhadap kanak-kanak yang tinggal di penjara dengan ibu mereka dan kanak-kanak yang melawati banduan-banduan.

(B) Disiplin dan hukuman

[Tambahan kepada Peraturan 27 hingga 32 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 22

Hukuman dengan pengurungan tertutup atau pengasingan tatatertib tidak akan digunakan terhadap wanita mengandung, wanita dengan bayi dan ibu-ibu yang menyusu di penjara.

Peraturan 23

Hukuman tatatertib untuk banduan-banduan wanita tidak harus termasuk suatu larangan berhubungan dengan keluarga, terutamanya dengan kanak-kanak.

(C) Instrumen untuk menahan

[Tambahan kepada Peraturan 33 dan 34 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 24

Instrumen untuk menahan tidak sekali-kali harus digunakan di atas wanita semasa proses bersalin, semasa kelahiran anak dan sejurus selepas kelahiran anak.

(D) Maklumat untuk dan aduan-aduan dari banduan-banduan; pemeriksaan-pemeriksaan

[Tambahan kepada Peraturan 35 dan 36 dan, berhubung dengan pemeriksaan, peraturan 55 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 25

1. Banduan-banduan wanita yang melaporkan penderaan harus diberi perlindungan serta-merta, sokongan, dan kaunseling, dan dakwaan mereka harus disiasat oleh pihak berkuasa yang kompeten dan bebas, dengan menghormati prinsip kesulitan dengan sepenuhnya. Langkah-langkah perlindungan akan mengambil kira dengan khususnya risiko-risiko tindakan balas.
2. Banduan-banduan wanita yang mengalami penderaan seksual, dan terutamanya mereka yang telah mengandung akibat itu, harus menerima nasihat perubatan yang sesuai dan kaunseling, dan harus diberi penjagaan kesihatan fizikal dan mental yang diperlukan, sokongan, dan bantuan guaman.
3. Untuk memerhatikan keadaan-keadaan di tahanan dan layanan banduan-banduan wanita, inspektorat-inspektorat, lembaga-lembaga melawat dan pemantauan atau badan-badan penyeliaan harus termasuk ahli-ahli wanita.

8 Hubungan dengan dunia luar

[Tambahan kepada Peraturan 37 hingga 39 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 26

Hubungan banduan-banduan wanita dengan keluarga mereka, termasuk anak-anak mereka, dan penjaga-penjaga anak-anak dan wakil-wakil undang-undang mereka, harus digalakkan dan dimudahkan dengan pengambilan semua langkah-langkah yang munasabah. Di mana mungkin, langkah-langkah harus diambil untuk mengimbang balaskan keburukan yang dialami oleh wanita yang ditahan di institusi-institusi yang jauh dari rumah mereka.

Peraturan 27

Di mana lawatan suami isteri ("*conjugal visits*") dibenarkan, banduan-banduan wanita harus boleh menggunakan hak tersebut pada tahap yang sama seperti lelaki.

Peraturan 28

Lawatan-lawatan yang melibatkan anak-anak harus diadakan di suatu persekitaran yang kondusif untuk suatu pengalaman lawatan yang positif, termasuk berkenaan dengan sikap kakitangan, dan harus membenarkan hubungan yang terbuka ("*open contact*") antara ibu dan anak. Lawatan-lawatan yang melibatkan hubungan lanjut dengan anak-anak harus digalakkan, di mana mungkin.

9 Kakitangan institusi dan latihan

[Tambahan kepada Peraturan 46 hingga 55 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 29

Pembinaan keupayaan (“*capacity-building*”) untuk kakitangan di penjara wanita harus membolehkan mereka menangani keperluan integrasi semula sosial yang khusus kepada banduan-banduan wanita dan mengurus kemudahan-kemudahan yang selamat dan bersifat rehabilitasi. Langkah-langkah pembinaan keupayaan untuk kakitangan wanita harus juga termasuk akses kepada jawatan-jawatan tinggi dengan tanggungjawab penting untuk membentuk polisi-polisi dan strategi-strategi berkenaan dengan rawatan dan penjagaan banduan-banduan wanita.

Peraturan 30

Harusnya ada komitmen yang jelas dan kekal di tahap pengurusan pentadbiran penjara-penjara untuk mengelakkan dan menangani diskriminasi berkaitan dengan jantina terhadap kakitangan-kakitangan wanita.

Peraturan 31

Polisi-polisi dan peraturan-peraturan yang jelas tentang kelakuan kakitangan-kakitangan penjara yang bertujuan untuk memberi perlindungan maksimum kepada banduan-banduan wanita dari apa-apa keganasan secara fizikal atau lisan yang berkaitan dengan jantina, penderaan, dan gangguan seksual, harus dibentuk dan dilaksanakan.

Peraturan 32

Kakitangan wanita di penjara harus menerima akses yang sama kepada latihan seperti kakitangan lelaki, dan semua kakitangan-kakitangan yang terlibat dengan pengurusan penjara-penjara wanita harus menerima latihan tentang kepekaan jantina, larangan diskriminasi, dan gangguan seksual.

Peraturan 33

1. Semua kakitangan yang ditugaskan untuk bekerja dengan banduan-banduan wanita harus menerima latihan berkaitan dengan keperluan-keperluan yang khusus kepada jantina dan hak-hak asasi manusia banduan-banduan wanita.

2. Latihan asas harus diberi kepada kakitangan penjara yang bekerja di penjara-penjara wanita tentang isu-isu utama berkenaan kesihatan wanita, selain daripada pertolongan cemas dan perubatan asas.
3. Di mana kanak-kanak dibenarkan tinggal dengan ibu-ibu mereka di penjara, peningkatan kesedaran tentang perkembangan kanak-kanak dan latihan asas mengenai penjagaan kesihatan kanak-kanak juga harus diberi kepada kakitangan penjara, supaya mereka boleh memberi respons yang sesuai dalam masa yang diperlukan dan masa kecemasan.

Peraturan 34

Program-program pembinaan keupayaan tentang HIV harus disertakan sebagai sebahagian kurikulum latihan tetap untuk kakitangan penjara. Selain daripada pencegahan HIV/AIDS, rawatan, penjagaan, dan sokongan, isu-isu seperti jantina dan hak-hak asasi manusia, dengan tumpuan khusus kepada kaitan mereka kepada HIV, stigma, dan diskriminasi, juga harus menjadi sebahagian daripada kurikulum.

Peraturan 35

Kakitangan-kakitangan penjara harus dilatih untuk mengesan keperluan penjagaan kesihatan mental dan risiko pencederaan diri dan pembunuhan diri di antara banduan-banduan wanita, dan untuk memberi bantuan dengan memberi sokongan dan merujuk kes-kes sebegitu kepada pakar-pakar.

10 Banduan-banduan wanita juvana

Peraturan 36

Pihak-pihak berkuasa penjara harus menyediakan langkah-langkah untuk memenuhi keperluan perlindungan banduan-banduan wanita juvana.

Peraturan 37

Banduan-banduan wanita juvana harus mempunyai akses yang sama kepada pendidikan dan latihan vokasional yang tersedia untuk banduan-banduan lelaki juvana.

Peraturan 38

Banduan-banduan wanita juvana harus mempunyai akses kepada program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan yang khusus kepada umur dan jantina mereka, seperti kaunseling untuk penderaan seksual atau keganasan. Mereka harus menerima pendidikan

mengenai penjagaan kesihatan wanita dan mempunyai akses yang kerap kepada pakar-pakar ginekologi, pada tahap yang sama dengan banduan-banduan wanita dewasa.

Peraturan 39

Banduan-banduan wanita juvana yang mengandung harus menerima sokongan dan penjagaan perubatan bersamaan dengan apa yang diberi kepada banduan-banduan wanita dewasa. Kesihatan mereka harus dipantau oleh pakar perubatan, mengambil kira fakta bahawa mereka mungkin mempunyai risiko-risiko kesihatan yang lebih tinggi semasa mengandung akibat umur mereka.

II. Peraturan-peraturan yang terpakai untuk kategori khas

A Banduan-banduan di bawah hukuman

1. Klasifikasi dan individualisasi

[Tambahan kepada Peraturan 67 hingga 69 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 40

Pentadbir-pentadbir penjara harus membentuk dan melaksana kaedah-kaedah klasifikasi yang menangani keperluan-keperluan yang khusus kepada jantina dan keadaan banduan-banduan wanita, untuk memastikan bahawa rancangan yang sesuai dan diindividukan dapat dilaksanakan untuk pemulihan awal, rawatan, dan integrasi semula ke masyarakat oleh banduan-banduan tersebut.

Peraturan 41

Penilaian risiko dan klasifikasi banduan-banduan yang peka terhadap jantina harus:

- (a) Mengambil kira risiko yang lebih rendah secara umumnya oleh wanita terhadap orang lain, dan juga kesan-kesan yang amat memudaratkan terhadap banduan-banduan wanita yang boleh diakibatkan oleh langkah-langkah keselamatan tinggi dan peningkatan tahap pengasingan;
- (b) Membolehkan maklumat penting tentang latar belakang wanita, seperti keganasan yang mereka mungkin telah mengalami, sejarah kecacatan mental dan penyalahgunaan dadah, dan juga tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa dan

tanggungjawab penjagaan lain, yang akan diambil kira dalam proses peruntukan dan perancangan hukuman;

- (c) Memastikan bahawa pelan hukuman wanita termasuk program-program pemulihan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang memadan keperluan mereka yang khusus kepada jantina;
- (d) Memastikan bahawa banduan-banduan wanita yang mempunyai keperluan penjagaan kesihatan mental ditempatkan di penginapan yang tidak mengongkang, dan di tahap keselamatan yang paling rendah, dan menerima rawatan yang sesuai, bukannya ditempatkan di tempat-tempat dengan tahap keselamatan yang lebih tinggi semata-mata akibat masalah kesihatan mental mereka.

2. Regim penjara

[Tambahan kepada Peraturan 65, 66 dan 70 hingga 81 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 42

1. Banduan-banduan wanita harus mendapat akses kepada program-program aktiviti yang seimbang dan menyeluruh yang mengambil kira keperluan-keperluan yang khas kepada jantina mereka.
2. Regim penjara harus cukup fleksibel untuk bertindak balas kepada keperluan-keperluan wanita-wanita hamil, ibu-ibu menyusukan dan wanita-wanita dengan anak-anak. Kemudahan-kemudahan penjagaan anak atau pengaturan-pengaturan harus disediakan di penjara untuk membolehkan banduan-banduan wanita untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti penjara.
3. Usaha-usaha tambahan harus dibuat untuk menyediakan program-program yang sesuai untuk wanita hamil, ibu-ibu menyusukan, dan wanita dengan anak-anak di penjara.
4. Usaha-usaha tambahan harus dibuat untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sesuai untuk banduan-banduan wanita yang mempunyai keperluan untuk sokongan psikososial, terutamanya untuk mereka yang mengalami penderaan fizikal, mental atau seksual.

Hubungan Sosial dan Jagaan Susul

[Tambahkan kepada Peraturan 79 hingga 81 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Bantuan]

Peraturan 43

Pihak-pihak berkuasa penjara harus menggalakkan dan, mana mungkin, juga memudahkan lawatan-lawatan kepada banduan-banduan wanita sebagai pra-syarat yang penting untuk memastikan kesejahteraan mental dan integrasi semula sosial mereka.

Peraturan 44

Memandangkan bahawa banduan-banduan wanita mempunyai pengalaman keganasan rumah tangga pada kadar yang lebih tinggi, mereka harus ditanya dengan betul-betul mengenai siapa, termasuk ahli-ahli keluarga, dibenarkan untuk melawati mereka.

Peraturan 45

Pihak-pihak berkuasa penjara harus menggunakan pilihan-pilihan seperti cuti rumah, penjara-penjara terbuka, rumah-rumah perantaraan, dan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan berasaskan masyarakat sejauh mana mungkin untuk banduan-banduan wanita, untuk menyenangkan peralihan mereka dari penjara ke kebebasan, untuk mengurangkan stigma dan untuk mewujudkan semula hubungan mereka dengan keluarga pada peringkat seawal mungkin.

Peraturan 46

Pihak-pihak berkuasa penjara, dengan kerjasama perkhidmatan-perkhidmatan percubaan ("*probation*") dan/atau kebajikan sosial, kumpulan-kumpulan komuniti tempatan, dan badan-badan bukan kerajaan, harus membina dan melaksanakan program-program integrasi semula sebelum dan selepas pelepasan banduan-banduan yang menyeluruh yang mengambil kira keperluan-keperluan yang khusus kepada wanita.

Peraturan 47

Sokongan tambahan selepas pelepasan harus disediakan untuk banduan-banduan wanita yang dibebaskan yang memerlukan pertolongan psikologi, perubatan, undang-undang dan praktikal untuk memastikan integrasi semula sosial mereka berjaya, dengan kerjasama perkhidmatan-perkhidmatan di masyarakat.

3. Wanita mengandung, ibu-ibu menyusu dan ibu-ibu dengan anak-anak di penjara

[Tambahkan kepada Peraturan 23 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Bantuan]

Peraturan 48

1. Banduan-banduan wanita yang mengandung atau menyusui harus menerima nasihat tentang kesehatan dan diet di bawah suatu program yang akan disediakan dan dipantau oleh seorang pengamal kesehatan yang berkelayakan. Makanan yang cukup dan tepat pada masanya, persekitaran yang sihat dan peluang senaman yang tetap harus disediakan dengan percuma untuk wanita-wanita mengandung, bayi-bayi, anak-anak dan ibu-ibu yang menyusui.
2. Banduan-banduan wanita tidak harus tidak digalakkan untuk menyusui anak-anak mereka, kecuali jika terdapat sebab-sebab kesehatan tertentu untuk berbuat demikian.
3. Keperluan-keperluan perubatan dan pemakanan banduan-banduan wanita yang baru bersalin, tetapi yang mana bayi-bayi mereka tidak bersama dengan mereka di penjara, harus termasuk di program-program rawatan.

Peraturan 49

Keputusan untuk membenarkan anak-anak untuk tinggal dengan ibu-ibu mereka di penjara harus berdasarkan kepentingan terbaik anak-anak. Anak-anak di penjara dengan ibu-ibu mereka tidak sekali-kali harus dilayan sebagai banduan-banduan.

Peraturan 50

Banduan-banduan wanita yang mana anak-anak mereka berada di penjara dengan mereka harus disediakan dengan peluang maksimum untuk meluangkan masa dengan anak-anak mereka.

Peraturan 51

1. Anak-anak yang tinggal dengan ibu mereka di penjara akan diberi perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesehatan yang berterusan, dan pembesaran mereka akan dipantau oleh pakar-pakar, dengan kerjasama perkhidmatan-perkhidmatan kesehatan masyarakat.
2. Persekitaran yang disediakan untuk asuhan anak-anak sebegini harus adalah se hampir semungkin seorang anak di luar penjara.

Peraturan 52

1. Keputusan mengenai bila seorang anak akan dipisahkan dari ibunya akan dibuat berdasarkan penilaian-penilaian individu dan kepentingan terbaik anak tersebut dalam ruang lingkup undang-undang tempatan yang berkaitan.
2. Pemandahan anak tersebut dari penjara akan dilakukan dengan sensitif, hanya di mana pengaturan-pengaturan penjagaan anak yang alternatif untuk anak tersebut telah dikenalpasti dan, untuk banduan-banduan warga asing, dalam perundingan dengan pegawai-pegawai konsular.
3. Selepas anak-anak dipisahkan dari ibu mereka dan ditempatkan dengan keluarga atau saudara-mara atau penjagaan alternatif, banduan-banduan wanita harus diberi peluang paling maksimum yang mungkin dan kemudahan-kemudahan untuk bertemu dengan anak-anak mereka, apabila ia adalah dalam kepentingan terbaik anak-anak tersebut dan apabila keselamatan awam tidak dijejaskan.

4. Warga-warga asing

[Tambahan kepada Peraturan 38 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 53

1. Di mana persetujuan-persetujuan dua hala atau berbilang hala wujud, pemandahan banduan-banduan wanita yang berwarga asing dan yang tidak bermastautin di negara ini kepada negara asal mereka, terutamanya jika mereka mempunyai anak-anak di negara asal, akan ditimbangkan seawal mungkin semasa penjaraan mereka, selepas permohonan atau persetujuan termaklum wanita tersebut.
2. Di mana seorang anak yang tinggal dengan banduan wanita warga asing yang bukan pemastautin akan dipindahkan dari penjara, pertimbangan harus diberi kepada penempatan semula anak tersebut kepada negara asal mereka, mengambil kira kepentingan terbaik anak tersebut dan dalam perundingan dengan ibunya.

5. Minoriti etnik dan orang asli

Peraturan 54

Pihak-pihak berkuasa penjara harus memahami bahawa banduan-banduan wanita dari latar belakang agama dan budaya yang berbeza mempunyai keperluan yang tersendiri dan mungkin menghadapi diskriminasi dalam pelbagai bentuk dalam akses mereka kepada program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan yang relevan kepada jantina dan budaya mereka. Oleh sebab itu, pihak-pihak berkuasa penjara harus memberi

program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan yang menyeluruh dan yang menangani keperluan-keperluan tersebut, dalam perundingan dengan banduan-banduan wanita sendiri dan kumpulan-kumpulan relevan.

Peraturan 55

Perkhidmatan-perkhidmatan sebelum dan selepas pembebasan harus dikaji untuk memastikan bahawa mereka sesuai dan boleh diakses oleh banduan-banduan wanita orang asli dan banduan-banduan wanita dari kumpulan-kumpulan etnik, dalam perundingan dengan kumpulan-kumpulan yang relevan.

B Banduan-banduan yang ditahan atau menunggu perbicaraan

[Tambahan kepada Peraturan 84 hingga 93 Peraturan-Peraturan Standard Minima untuk Layanan Banduan-Banduan]

Peraturan 56

Risiko penderaan yang terutamanya dihadapi oleh wanita dalam tahanan sebelum perbicaraan harus difahami oleh pihak-pihak berkuasa yang relevan, yang harus mengambil langkah-langkah sesuai dalam segi polisi-polisi dan amalan-amalan untuk memastikan keselamatan wanita tersebut pada masa itu. (Juga lihat peraturan 58 di bawah, mengenai alternatif-alternatif kepada tahanan sebelum perbicaraan)

III. Langkah-langkah bukan tahanan

Peraturan 57

Peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-Peraturan Tokyo harus membimbing pembentukan dan pelaksanaan tindak-tindak balas yang sesuai kepada pesalah-pesalah wanita. Pilihan-pilihan yang khusus kepada jantina untuk langkah-langkah lencongan dan alternatif-alternatif sebelum perbicaraan dan sebelum hukuman harus dibentuk dalam sistem undang-undang Negara Anggota, mengambil kira sejarah penganiayaan banyak pesalah-pesalah wanita dan tanggungjawab-tanggungjawab penjagaan mereka.

Peraturan 58

Mengambil kira peruntukan peraturan 2.3 Peraturan-Peraturan Tokyo, pesalah-pesalah wanita tidak harus dipisahkan dari keluarga dan masyarakat mereka tanpa pertimbangan yang sewajarnya kepada latar belakang mereka dan hubungan keluarga. Cara-cara alternatif untuk menguruskan wanita yang telah melakukan kesalahan, seperti langkah-

langkah lencongan dan alternatif-alternatif sebelum perbicaraan dan sebelum hukuman, harus dilaksanakan di mana ia mungkin dan sesuai.

Peraturan 59

Secara umumnya, cara-cara perlindungan bukan tahanan, contohnya dalam tempat perlindungan yang diuruskan oleh badan-badan bebas, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat, harus digunakan untuk melindungi wanita-wanita yang memerlukan perlindungan sebegitu. Langkah-langkah sementara yang melibatkan tahanan untuk melindungi wanita tersebut harus hanya digunakan bila perlu dan diminta dengan khususnya oleh wanita yang terlibat, dan harus dalam semua keadaan dipantau oleh sistem kehakiman atau pihak-pihak berkuasa lain yang kompeten. Langkah-langkah lindungan sebegitu tidak harus diteruskan bertentangan dengan kehendak wanita yang terlibat.

Peraturan 60

Sumber-sumber yang sesuai harus diberi untuk merangka alternatif-alternatif yang sesuai untuk pesalah-pesalah wanita, untuk mengabung langkah-langkah bukan tahanan dengan langkah-langkah campur tangan untuk menangani masalah-masalah paling umum yang menyebabkan kepada hubungan wanita-wanita dengan sistem jenayah. Ini mungkin termasuk kursus terapeutik dan kaunseling untuk mangsa-mangsa keganasan rumah tangga dan penderaan seksual; rawatan yang sesuai untuk mereka yang mempunyai kecacatan mental; dan program-program pendidikan dan latihan untuk meningkatkan prospek pekerjaan. Program-program sebegitu harus mengambil kira keperluan untuk memberi penjagaan untuk kanak-kanak dan perkhidmatan-perkhidmatan untuk wanita sahaja.

Peraturan 61

Apabila menjatuhkan hukuman terhadap pesalah wanita, mahkamah-mahkamah harus mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan faktor-faktor yang membolehkan hukuman diringankan seperti ketiadaan sejarah jenayah dan, dari segi perbandingan, keringanan dan jenis perlakuan jenayah tersebut, memandangkan tanggungjawab-tanggungjawab penjagaan dan latar belakang biasa wanita-wanita.

Peraturan 62

Peruntukan perkhidmatan-perkhidmatan rawatan penyalahgunaan dadah dalam masyarakat yang sensitif tentang keperluan jantina, prihatin tentang trauma, wanita sahaja, dan akses wanita-wanita kepada rawatan sebegini, harus dipertingkatkan, untuk mengelakkan jenayah dan juga untuk tujuan-tujuan lencongan dan hukuman alternatif.

1 Keputusan selepas penjatuhan hukuman

Peraturan 63

Keputusan-keputusan mengenai pembebasan awal bersyarat (parol) harus mengambil kira tanggungjawab-tanggungjawab penjagaan banduan-banduan wanita, dan juga keperluan-keperluan integrasi semula sosial mereka yang spesifik.

2 Wanita-wanita yang hamil dan wanita-wanita dengan anak-anak tanggungan

Peraturan 64

Hukuman-hukuman tanpa tahanan untuk wanita mengandung dan wanita dengan anak-anak tanggungan harus diutamakan mana boleh dan sesuai, dengan hukuman-hukuman tahanan dipertimbangkan apabila kesalahan tersebut adalah serius atau ganas atau wanita tersebut adalah ancaman yang berterusan, dan selepas mengambil kira kepentingan terbaik anak atau anak-anak tersebut, sambil memastikan bahawa peruntukan-peruntukan sesuai telah dibuat untuk penjagaan anak-anak tersebut.

3 Pesalah wanita juvena

Peraturan 65

Penginstitusian kanak-kanak dalam konflik dengan undang-undang harus dielakkan ke tahap maksimum semungkin. Betapa mudahnya mereka terdedah kepada bahaya akibat jantina mereka harus diambil kira dalam membuat keputusan.

4 Warga-warga asing

Peraturan 66

Usaha yang maksimum harus dibuat untuk meratifikasikan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentang Jenayah Terancang Transnasional 26 dan Protokol untuk Mengelakkan, Menumpas dan Menghukum Pernerdagangan Orang, Terutamanya Wanita dan Kanak-Kanak, menambah kepada Konvensyen Pertubuhan Badan-Badan Bersatu menentang Jenayah Terancang Transnasional 27 untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan tersebut dengan sepenuhnya untuk memberi perlindungan yang maksimum

kepada mangsa-mangsa pemerdagangan orang untuk mengelakkan penganiayaan kali kedua (“*secondary victimisation*”) bagi banyak wanita-wanita warga asing.

IV. Penyelidikan, perancangan, penilaian dan peningkatan kesedaran awam

1 Penyelidikan, perancangan dan penilaian

Peraturan 67

Usaha-usaha harus dibuat untuk menguruskan dan menggalakkan penyelidikan yang menyeluruh dan berdasarkan keputusan mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh wanita, dan sebab-sebab yang mencetus konfrontasi wanita dengan sistem keadilan jenayah, kesan-kesan penganiayaan kali kedua dan penjaraan terhadap wanita, ciri-ciri pesalah-pesalah wanita, dan juga program-program yang dibentuk untuk mengurangkan kesalahan berulang oleh wanita, sebagai asas kepada perancangan, pembentukan program, dan pembentukan dasar yang berkesan untuk bertindak balas terhadap keperluan-keperluan integrasi semula sosial pesalah-pesalah wanita.

Peraturan 68

Usaha-usaha harus dibuat untuk menguruskan dan menggalakkan penyelidikan tentang nombor kanak-kanak yang dijejas oleh konfrontasi ibu-ibu mereka dengan sistem keadilan jenayah, dan terutamanya penjaraan, dan kesan ini terhadap kanak-kanak, untuk menyumbang kepada pembentukan dasar dan pembentukan program, mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut.

Peraturan 69

Usaha-usaha harus dibuat untuk mengkaji semula, menilai dan mengumum secara berkala trend-trend, masalah-masalah dan faktor-faktor berkaitan dengan tingkah laku bersalah wanita dan keberkesanan dalam bertindak balas kepada keperluan-keperluan integrasi semula sosial pesalah-pesalah wanita, dan juga anak-anak mereka, untuk mengurangkan stigma dan kesan-kesan negatif terhadap mereka akibat konfrontasi wanita-wanita tersebut dengan sistem keadilan jenayah.

2 Peningkatan kesedaran awam, perkongsian maklumat, dan latihan

Peraturan 70

1. Media dan orang ramai harus dimaklumkan tentang sebab-sebab yang membawa kepada pemerangkapan wanita-wanita dalam sistem keadilan jenayah dan cara-cara

paling berkesan untuk bertindak balas kepadanya, untuk membolehkan integrasi semula sosial wanita-wanita, mengambil kira kepentingan terbaik anak-anak mereka.

2. Penerbitan dan penyebaran penyelidikan dan contoh-contoh amalan yang baik harus menjadi unsur-unsur yang menyeluruh kepada polisi-polisi yang bertujuan untuk meningkatkan keputusan-keputusan dan keadilan kepada wanita-wanita dan anak-anak mereka mengenai tindak balas sistem keadilan jenayah kepada pesalah-pesalah wanita.
3. Media, orang ramai, dan mereka yang mempunyai tanggungjawab profesional untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan banduan-banduan dan pesalah-pesalah wanita, harus kerap diberi maklumat faktual tentang perkara-perkara yang diliputi oleh peraturan-peraturan ini dan tentang pelaksanaan peraturan-peraturan.
4. Program-program latihan tentang peraturan-peraturan ini dan hasil-hasil penyelidikan harus dibentuk dan dilaksanakan untuk pegawai keadilan jenayah yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran mereka dan menjadikan mereka peka terhadap peruntukan-peruntukan dalam peraturan-peraturan ini.
